

15 MAY 1996

Bahagian akhir daripada laporan khas dua bahagian
CROATIA: PELUANG UNTUK PELABUR MALAYSIA

Oleh: Salbiah Said

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Bila Perbadanan Pembangunan Dagangan Luar Malaysia (Matrade) menerajui Pameran Produk Malaysia '96 di Zagreb, Croatia, pada 16 April, ia mempunyai satu sasaran - pelabur-pelabur Malaysia mesti merebut apa saja peluang yang ada.

"Tiada usaha tiada faedah. Mereka mesti mempunyai semangat penerokaan dan berdaya saing; fikirkan tentang proses damai, pengubahan ekonominya dan pembangunan semula setelah terjebak dalam peperangan dan semua orang boleh mendapat bahagiannya," kata ketua eksekutif Matrade Samsudin Marsop di

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuka pameran lima hari itu pada 18 April yang diadakan sempena Pesta Dagangan Antarabangsa Yusof Abu Othman, pengerusi syarikat pemaju hartanah Tiarasetia Sdn Bhd, berkata bahawa pesta dagangan adalah pelantar terbaik untuk syarikat-syarikat Malaysia memperkenalkan produk mereka kepada dunia.

Penggalak terbaik bagi produk dan perkhidmatan syarikat itu ialah pengerusinya sendiri. "Anda sendiri mesti berada di sini, jangan hanya mengutus timbalan anda," kata Yusof, yang juga ada kaitan dengan Rahika Holdings Sdn Bhd, sebuah kumpulan Bumiputera dalam sektor hartanah dan dagangan yang menyertai pameran itu.

Kaunselor jabatan hubungan ekonomi luar di Kementerian Ekonomi Croatia Alem Pocrnja berkata banyak peluang wujud untuk pelabur-pelabur Malaysia di dalam industri Croatia -- pelancongan, pembinaan kapal, makanan, perubatan, tekstil, perabot, kejuruteraan, kelengkapan telekomunikasi, kimia dan pembinaan.

Dalam bidang perubatan, sebuah institusi penyelidikan Croatia mencipta antibiotik aziromaisin, sejenis antibiotik makrolida, yang dikenali sebagai azalides, yang aktif terhadap kebanyakan patogen biasa yang menyebabkan jangkitan saluran pernafasan, kulit dan tisu-tisu lembut, dan penyakit bawaan seks.

Diberi nama Sumamed, ia dilancarkan di pasaran Croatia dalam 1988 dan dipasarkan secara bersama di seluruh dunia dengan syarikat farmasi Amerika yang terkenal, Pfizer.

Dalam bidang pembinaan kapal, limbungan-limbungan Croatia mampu membina apa saja jenis kapal, dari kapal perang hingga ke kapal selam dan badan berkembar kapal tangki sehinggalah kapal-kapal penumpang dan kapal bersiar-siar yang mewah.

Sejak 38 tahun lampau, berbagai jenis dan saiz kapal telah diserahkan kepada para pemilik tempatan dan di 70 buah negara lain di seluruh dunia.

Pocrnja berkata Croatia boleh memindah teknologi dan kepakarannya kepada syarikat-syarikat Malaysia serta melatih kakitangannya sekali.

Dalam industri tekstil dan pakaian, Cateks mengeluarkan berbagai jenis fiber bercetak kapas (pakaian, cadar), set bilik mandi (tirai dan alas kaki), pakaian kanak-kanak, pakain kerja dan kulit tiruan untuk kasut, pakaian siap pakai, barangan beranika dan hiasan.

Keluaran tersebut dieksport ke Austria, Belgium, Britain, Komanwel Negara-negara Merdeka, Czechoslovakia, Denmark, Perancis, Jerman, Hungary, Itali, Romania, Slovakia dan Amerika Syarikat.

Terdapat kemungkinan Croatia mengimport sutera dan bahan-bahan mentah dari Malaysia untuk industri tekstilnya, katanya, dan menambah bahawa produk yang disediakan boleh dieksport berasaskan usaha sama.

Satu lagi usaha yang menguntungkan ialah pengilangan manis-manisan atau konfeksioneri -- coklat, gula-gula dan kandi. Pada masa ini, Kras, salah

sebuah konfeksioneri dan pengeluar biskut terbesar di Croatia, mengimport serbuk koko dari Ghana.

Ini merupakan satu peluang baik bagi Malaysia, salah satu pengeluar koko terbesar di dunia, untuk menembusi pasaran Croatia, kata Pocrnja.

Bagi industri pelancongan, Croatia mempunyai 1,185 buah pulau yang mana hanya 66 berpenghuni. Dalam 1990, kira-kira lima juta pelawat mengunjungi Croatia.

Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia yang berpusat di Milan, Mokhtar Abdullah berkata terdapat banyak peluang dalam pembangunan semula, seperti mengadakan bahan-bahan binaan, jalan dan kereta api, memandangkan Croatia sedang melaksanakan program pembesaran.

Antara lain, ia merancang untuk memperbesarkan lapangan terbang sedia ada serta membina yang baru untuk menghubungkan antara pulau-pulaunya, tambahannya.

Ia juga sedang mencari pelabur untuk membangunkan padang golf. Sekarang, tiada satupun padang golf di Croatia.

Banyak rumah telah musnah akibat peperangan dan kira-kira 190,000 pelarian ditempatkan di beberapa buah hotel di Croatia, kata Mokhtar. Kebanyakan daripada mereka adalah dari Bosnia dan selebihnya dari Austria, Jerman dan Belanda.

Beliau berkata pemerintah perlu mendirikan 20,000 buah rumah setahun dan mempelawa tender daripada ahli-ahli perniagaan yang berminat.

Menurut Pocrnja, pemerintah Croatia telah meminta pinjaman AS\$100 juta daripada Bank Dunia untuk mendirikan semula hartanah yang musnah akibat peperangan.

Sejak merdeka, Croatia telah menghadapi bebanan ekonomi dan kewangan yang serius - kos untuk mengubahkan ekonomi, dan kos berperang dan akibat daripadanya (kerusakan harta benda, penjagaan pelarian dan orang yang terpisah) yang mengakibatkan inflasi melambung tinggi.

Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Bosnia, Dzulkifli Mahmud berkata pemerintah Bosnia juga sedang bertungkus lumus untuk menyediakan prasarana untuk orang pelarian.

Syarikat-syarikat Malaysia dipelawa menyertai dalam projek-projek pembangunan semula prasarana, penjagaan kesihatan dan telekomunikasi yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Dari segi peluang perniagaan, Malaysia boleh membekalkan bahan makanan kerana hampir semua kilang memproses makanan di Bosnia telah musnah akibat peperangan, katanya. -- BERNAMA

SS SIA